

23 SEP 2002

Parlimen-Bahas (OSA)

PEGAWAI K'JAAN DAN HADI AWANG PERLU DIKENAKAN OSA, KATA PENYOKONG K'JAAN

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Seorang anggota penyokong kerajaan hari ini meminta pihak berkuasa mengambil tindakan mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 terhadap pegawai kerajaan yang membocorkan rahsia kerajaan kepada pembangkang.

Datuk Ahmad Zahid Hamidi (BN-Bagan Datoh) turut meminta pihak berkuasa mengambil tindakan yang sama terhadap Ketua Pembangkang Datuk Seri Abdul Hadi Awang kerana memperoleh rahsia berkenaan.

"Bukan setakat Ketua Pembangkang itu harus dikenakan tindakan OSA tetapi pegawai berkenaan juga harus dikenakan tindakan kerana menjual satu rahsia rasmi kerajaan sebelum dibentangkan.

"Jadi apa hak, apa lebihnya Ketua Pembangkang memperoleh maklumat-maklumat ini," katanya ketika membahaskan Bajet 2003 pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Abdul Hadi sebelum ini mengakui mendapat maklumat daripada pegawai kanan Kerajaan Persekutuan bagi membantu pakatan pembangkang merangka "Strategi Belanjawan Alternatif 2003."

Berikutan itu beberapa laporan polis dibuat terhadap Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu.

Sementara itu di Terengganu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tindakan pegawai-pegawai kanan kerajaan membocorkan rahsia kerajaan dan bekerjasama dengan pembangkang boleh dianggap sebagai "perbuatan sabotaj".

Ahmad Zahid, bagaimanapun, yakin kebanyakan pegawai sektor awam masih taat kepada kerajaan yang memerintah.

"Kita masih yakin bahawa pegawai kerajaan memang taat dan ikhlas kerja di jabatan dan Kementerian masing-masing," katanya.

Sementara itu Ahmad Zahid berkata, langkah yang lebih drastik dan menyeluruh perlu diambil untuk memastikan program "satu kampung satu industri" saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaksanakan sebagai satu program jangka panjang.

Ahmad Zahid menyarankan agar kerajaan dapat merangka satu dasar khas untuk memastikan kejayaan projek itu.

Dengan mengambil contoh negara jiran Thailand dan Indonesia, beliau berkata kedua-dua negara itu telah lama mempraktikkan dan mewajibkan pasaraya di negara masing-masing mengkhaskan satu bahagian untuk jualan barangan keluaran kampung.

"Daripada pengamatan saya, pelancong-pelancong lebih gemar berkunjung ke bahagian itu kerana mereka mahu mendapatkan barangan atau kraftangan tempatan," katanya.

Sebelum itu, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis (BN-Rompin) yang mencelah berkata kegagalan industri kampung untuk berkembang dan maju adalah disebabkan oleh kelemahan dalam strategi pemasaran dan juga kekurangan rangkaian di kalangan pengusaha-pengusaha industri kampung dengan pemarkas-pemarkas.

Menyentuh bidang pendidikan pula, Ahmad Zahid mencadangkan kerajaan supaya menubuhkan satu badan pemasaran bersepadu bagi menjual produk pendidikan sekaligus menjadikannya satu produk "pelancongan-pendidikan" di luar negara.

Langkah itu juga akan dapat membantu hasrat Malaysia merealisasikan hasratnya menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

"Badan ini boleh bertindak untuk menyelaraskan produk-produk pendidikan

serta pengambilan pelajar luar negara," katanya.

Sejak Amerika Syarikat diserang pada 11 Sept, ramai pelajar dari negara-negara Asia Barat dan khususnya yang beragama Islam mencari pusat pengajian bagi melanjutkan pelajaran masing-masing, katanya sambil berkata bahawa kerajaan harus mengambil kesempatan terhadap peluang ini.

Katanya Malaysia boleh menjadi seperti Ireland yang terkenal bagi pendidikan perubatan dan perakaunan dan juga Australia yang pendapatan daripada sektor pendidikannya menjadi penyumbang ketiga tertinggi dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara itu.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

NN HS PR